



UKK/600-01/02 Jld 7

SIARAN MEDIA

LANGKAWI INTERNATIONAL MARBLE ART CAMP KEMBALI!

LANGKAWI, KEDAH – Balai Seni Negara Langkawi menganjurkan program Langkawi *International Marble Art Camp* 2022 atau LAIN MACAM 2022. Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan pada 10 Disember 2022 bertempat di Dikaki Tower House, Gunung Raya, Langkawi, Kedah. Majlis perasmian turut dihadiri oleh YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, serta pegawai-pegawai kanan MoTAC, jabatan dan agensi.

LAIN MACAM 2022 yang berlangsung bermula 2 Disember sehingga 15 Disember 2022 adalah merupakan hasil penjenamaan semula daripada Program *International Marble Art Camp* atau IMAC yang diadakan secara dwi tahunan oleh Balai Seni Negara Langkawi bermula pada tahun 2019. Pada edisi kali ini, LAIN MACAM telah mendapat tajaan daripada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Galeria Perdana Langkawi, Langkawi Tourist Information Centre, dan Kompleks Kraf Langkawi selain kerjasama daripada TentuHala Kolektif, Dikaki Tower House serta Hikari Riders.

Seramai tiga pengarca dari dalam negara dan lima pengarca dari luar negara terlibat dalam program ini. Tiga dari Malaysia adalah Japson Wong, Ain Rahman dan Chew Chon Bee (Bibi Chew). Selain itu, I Wayan Upadan dan Manuela Wijayanti dari Indonesia. Jehabduloff Jehsorhoh dan Korakot Sangnoy merupakan pengarca dari Thailand manakala Lim Soo Ngee dari Singapura.

Program ini masih mengekalkan penggunaan batu pualam Langkawi sebagai material utama dan “lain macam” untuk kali ini, keterbukaan menggunakan material lain dalam penghasilan karya seni juga turut diraikan. Ia bermatlamat untuk menyemai pengetahuan terhadap aspek material, praktikal, teori dan pendidikan dalam pembuatan karya seni antara pengkarya dan komuniti tempatan.

“LAIN MACAM dilihat mampu dijadikan sebagai wadah ilmu untuk para pengkarya selain dapat memberi inspirasi kepada artisan (pembantu artis) yang terdiri daripada penduduk tempatan di Langkawi dalam menghasilkan karya seni serta melibatkan diri dengan bidang kreatif ini. Harapan Balai Seni Negara Langkawi adalah ingin mendekatkan seni dengan masyarakat di sini”, ujar YBrs. Encik Muhammad Hazrin Abdul Malek @ Moktar, Pengarah Balai Seni Negara Langkawi.

Sementara itu, bagi memeriahkan lagi suasana pada hari kemuncak LAIN MACAM, Balai Seni Negara Langkawi turut mengadakan LAIN MACAM OPEN DAY pada 10 Disember 2022 bermula jam 10.00 pagi hingga 11.00 malam. Pelbagai aktiviti dianjurkan antaranya Bazar Seni, Demonstrasi Seni, aktiviti memanah, demonstrasi papan luncur dan persembahan seni laku, audio dan visual yang menampilkan Noh Salleh, Iqbal, Kacau Bilau, Langkawi Dub Club serta ramai lagi. Maklumat lanjut mengenai program ini, layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau ikuti laman sosial rasmi Balai Seni Negara serta Balai Seni Negara Langkawi.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my


Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my

LANGKAWI INTERNATIONAL MARBLE ART CAMP

2.-15. DECEMBER 2022



OPEN DAY

10.DEC.2022

DIKAKI TOWER HOUSE
GUNUNG RAYA

PENGANJUR
ORGANIZER



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



BALAI SENI NEGARA
National Art Gallery

RAKAN
PENAJA
SPONSOR



RAKAN
KERJASAMA
PARTNER

